

Penganggur disabit mencuri dan lupus harta curi dipenjara

SIBU: Mahkamah Majistret di Kapit, semalam menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun ke atas seorang penganggur yang disabitkan mencuri serta membantu melupuskan harta curi.

Bagi pertuduhan pertama iaitu mencuri dua unit bateri, tertuduh Lee Bandar, 32, dijatuhi hukuman penjara dua tahun oleh mahkamah, di mana hukuman penjara berkuat kuasa daripada tarikh sabit kesalahan.

Lee dituduh mencuri dua unit bateri dari kenderaan milik Majlis Daerah Kapit (MDK) pada 24 September 2024, kira-kira jam 2.24 pagi di parkir bertingkat Jalan Yong Moo Chai, Kapit.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 379A(1) Kanun Keseksaan yang

membawa hukuman penjara tidak kurang setahun dan tidak lebih tujuh tahun dan juga boleh dikenakan denda, jika sabit dengan kesalahan.

Sementara bagi pertuduhan kedua, Lee didakwa membantu menghapuskan harta curi iaitu dua unit bateri dan dikenakan hukuman penjara satu tahun.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada 21 September 2024, jam lebih kurang 7.20 pagi di sebuah premis perniagaan Jalan Airport, Kapit.

Bagi kesalahan ini, Lee telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 414 Kanun Keseksaan, yang mana jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara hingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.